



جَبَاتَن هَالِ اَهْوَالِ اِغْلَامِ اِسْلَامِ نِغْرِي سَابَه

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

Tingkat 3, 9 & 10, Blok A, Wisma MUIS,

Beg Berkunci 103, 88737 Kota Kinabalu

Tel.: 088-522222

Faks: 088-239415



Bil.: **BIL.JHEAINS:BPWD:100-4 KLT 12 (54)**
12 NOVEMBER 2020 / 26 RABIULAWAL 1442H

Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah
Semua Pengerusi Masjid / Surau

Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh

Tuan/Puan,

KEBENARAN PELAKSANAAN AKTIVITI DI MASJID DAN SURAU KETIKA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) COVID-19 BERKUATKUASA PADA 12 NOVEMBER 2020 SEHINGGA 24 NOVEMBER 2020

Dengan hormatnya saya merujuk Keputusan Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah Bil. No. Ruj: JKM (S). 100-4/66 bertarikh 11 November 2020 dan Kenyataan Mufti Negeri Sabah Bil. PMNS:600-4/1 Jilid 10 bertarikh 12 November 2020M/26 Rabiulawal 1442H berhubung dengan perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan dengan sukacitanya, Jabatan ini bersetuju mengambil ketetapan membenarkan pelaksanaan aktiviti di masjid dan surau di seluruh negeri Sabah ketika Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) berkuatkuasa pada 12 November 2020M / 26 Rabiulawal 1442H hingga 24 November 2020 bersamaan 08 Rabiulakhir 1442H seperti berikut:-

- 2.1 Aktiviti di masjid dan surau dibenarkan untuk melaksanakan solat berjemaah lima waktu dan solat Jumaat bermula pada 12 November 2020/26 Rabiulawal 1442H hingga 24 November 2020/ 8 Rabiulakhir 1442H kepada masjid dan surau di seluruh zon hijau, kuning, Jingga dan merah negeri Sabah;
- 2.2 Bilangan jemaah solat lima waktu di masjid dan surau yang dibenarkan bagi zon hijau dan kuning adalah 30 orang, manakala bilangan jemaah solat Jumaat adalah 1/3 kapasiti dewan solat utama masjid dan surau;
- 2.3 Bilangan Jemaah solat lima waktu di masjid dan surau yang dibenarkan bagi zon merah (termasuk Zon Jingga) pula adalah 3 orang sahaja, manakala bilangan Jemaah solat Jumaat adalah 12 orang sahaja;
- 2.4 Jemaah masjid dan surau yang dibenarkan adalah dinasihatkan agar membaca surah *Yasin* setiap kali selesai solat fardhu lima waktu dan solat Jumaat dengan niat memohon kepada Allah SWT agar negeri Sabah khususnya dan Malaysia amnya dijauhi segala bencana dan malapetaka khususnya covid-19;

....2/

KEBENARAN PELAKSANAAN AKTIVITI DI MASJID DAN SURAU KETIKA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) COVID-19 BERKUATKUASA PADA 12 NOVEMBER 2020 SEHINGGA 24 NOVEMBER 2020 BILJHEAINS:BPWD:100-4 KLT 12 (54) 12 NOVEMBER 2020 / 26 RABIULAWAL 1442H

- 2.5 Aktiviti di masjid dan surau selain solat berjemaah dan solat Jumaat serta membaca surah *Yasin* adalah tidak dibenarkan dalam tempoh tarikh yang dikuatkuasakan; dan
 - 2.6 Justeru itu, masjid dan surau yang terpilih hendaklah melaksanakan semua garis panduan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang berkuatkuasa dan yang telah ditetapkan oleh pihak berwajib.
3. Kebenaran aktiviti solat berjemaah lima waktu dan solat Jumaat di seluruh negeri Sabah ketika PKPB dalam tempoh yang ditetapkan mengambil kira peranan institusi masjid dan surau sebagai sebuah tempat yang mulia dan amat perlu diimarahkan bagi memertabatkan syiar Islam di negeri ini. Di samping itu, masjid dan surau merupakan tempat yang amat baik dan sesuai di sisi agama bagi orang Islam bermunajat dan *khudu'* dan *tawadu'* kepada Allah SWT agar negeri Sabah ini khususnya dan Malaysia amnya dijauhi segala musibah terutama covid-19 yang melanda di negeri Sabah ini.
4. Sehubungan dengan ini, mohon tuan/puan untuk menyelaras pematuhan keputusan tersebut. Kepada Allah SWT jua kita berserah.

Sekian dan harap maklum.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"SABAH MAJU JAYA"

Saya yang menjalankan amanah,



.....
(DATUK HAJI SAIFULZAMAN BIN SANGUL)
PENGARAH
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

s.k: YB Datuk Menteri Tugas-Tugas Khas

YB DSP SKN
Pengerusi JK Pengurusan Bencana Covid-19 Negeri Sabah

YBhg DSP YDP MUIS

SS Datuk Mufti
Kerajaan Negeri Sabah

YBhg Pengarah Keselamatan Negeri
Majlis keselamatan Negeri , Negeri Sabah